

Kaedah Main Peranan Dalam Pembelajaran Kemahiran Bertutur Subjek Bahasa (Role Playing Method in Learning Speaking Skills for Language Subjects)

Abg. Ashmirul Abg. Abu Nawas^{1*}, Khairul Azhar Jamaluddin¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p112377@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 December 2022 | Published: 31 December 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.4.9>

Abstrak: Kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran yang penting untuk dikuasai pelajar-pelajar yang mempelajari bidang bahasa atau bidang-bidang yang lain. Oleh itu, satu pendekatan yang interaktif dan komunikatif perlulah diaplikasikan di dalam kelas pembelajaran bahasa. Antara kaedah yang melengkapi ciri-ciri ini adalah main peranan di mana pelajar diberi satu watak untuk dilakonan berdasarkan kepada situasi yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan kaedah main peranan terhadap pembelajaran kemahiran bertutur pelajar dalam subjek bahasa. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kesan kaedah main peranan terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur subjek bahasa. Hasil kajian mendapati kaedah main peranan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur bagi subjek bahasa. Selain itu, kajian juga mendapati kaedah main peranan meningkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari kemahiran bertutur dalam subjek bahasa. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan buat tenaga-tenaga pengajar dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran kemahiran bertutur dalam subjek bahasa.

Kata kunci: main peranan, kemahiran bertutur, pembelajaran bahasa

Abstract: Speaking skills is an essential skill to be mastered, especially for students who are learning in language courses. Hence, an interactive and communicative approach needs to be applied in language learning classroom. One of the methods suggested is a role-play method whereas students are given a character to play based on given predetermined situation. Accordingly, the main focus of this study is to examine the effectiveness of role-play methods towards students speaking skills in language learning. In addition, this study is also to examine the effects of role-play towards students' motivation in learning speaking skills in language subject. The findings of the study indicate that the role-play methods improve students' achievement in speaking skills for language subjects. In addition, the study also found that role-play methods increase students' motivation in learning speaking skills in language subjects. The results of this study can be used as a guidance for teachings in enhancing the effectiveness of the teaching process of speaking skills in language subjects.

Keywords: Role play, speaking skills, language learning
